

NO. SOALAN : 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK IR DR WEE KA SIONG
[AYER HITAM]**

TARIKH : 11 JUN 2014

SOALAN :

YB. Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan impak kepada sektor pelancongan akibat dari insiden MH370. Apakah langkah Kementerian untuk mengatasi kekusutan ini.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Insiden kehilangan pesawat MH370 sememangnya telah memberi kesan kepada industri pelancongan negara terutamanya kedatangan pelancong dari negara China. Sehingga bulan April, tempahan yang dibatal atau ditangguh dilaporkan telah mencatat sebanyak 30,000 tempahan di mana seramai 8,913 tempahan merupakan kehilangan muatan penumpang akibat pembatalan 76 penerbangan berjadual dan sewa khas dari China seperti berikut:

- Pembatalan penerbangan berjadual Shanghai ke Kota Kinabalu sebanyak **10 penerbangan** oleh syarikat penerbangan MAS
- Pembatalan penerbangan berjadual Shenzen ke Kota Kinabalu sebanyak **22 penerbangan** oleh China Southern Airlines
- Pembatalan penerbangan sewa khas Shanghai ke Kota Kinabalu sebanyak **44 penerbangan** oleh syarikat tambang murah Spring Airlines

Namun demikian, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan tetap komited dalam usaha mengekalkan momentum pembangunan industri pelancongan negara dengan melaksanakan beberapa pendekatan strategik bagi memastikan Kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 tidak terjejas akibat insiden ini.

Bagi mengimbangi kejatuhan kedatangan pelancong dari pasaran Republik Rakyat China, sebagai strategi jangka pendek, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Tourism Malaysia telah mempertingkatkan promosi di pasaran jarak sederhana seperti berikut:

- i. Pasaran ASEAN – terutamanya Singapura, Indonesia, Thailand, Filipina dan Brunei;
- ii. Pasaran Asia Selatan – India, Bangladesh dan Sri Lanka;
- iii. Pasaran Oceania – Australia, New Zealand; dan
- iv. Pasaran Asia Barat – Arab Saudi, Kuwait, Oman, Qatar, Emiriyah Arab Bersatu dan Bahrain.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada itu, Jawatankuasa Pengurusan Krisis yang dikendalikan oleh pejabat-pejabat Tourism Malaysia di pasaran China telah diwujudkan. Fungsi utama jawatankuasa ini adalah untuk berinteraksi secara aktif dengan para pengusaha pelancongan di pasaran China untuk mengembalikan keyakinan pelancong China mengunjungi Malaysia pada masa akan datang.

Tourism Malaysia juga telah mengadakan perjumpaan dengan para pengusaha pelancongan serta wakil-wakil kanan pihak kerajaan negara China, Hong Kong dan Taiwan bagi melahirkan rasa simpati, keprihatinan, perhatian dan doa seluruh rakyat Malaysia terhadap keluarga mangsa yang terlibat dalam insiden berkenaan. Perjumpaan ini juga diadakan bagi

tujuan untuk memulihkan keyakinan warga China untuk melancong ke Malaysia.

Walaupun kempen pengiklanan menerusi satelit TV global ditangguhkan buat sementara waktu, kempen pengiklanan dan publisiti medium lain dalam pasaran tetap diteruskan seperti mana yang dirancang di dalam pelan media untuk tahun 2014.

Sekian, terima kasih.